

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI II: 2022/ 2023**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 20063
PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **SEBELAS (11)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Berikut merupakan kepentingan Pengurusan Sumber Manusia **KECUALI** HPK1
T1

- A. menyediakan latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pekerja.
- B. merancang dan mengurus aktiviti pengrekrutan iaitu pemilihan dan pengambilan pekerja baharu.
- C. mewakili organisasi untuk berbincang dengan kesatuan sekerja tentang sebarang pertikaian industri.
- D. memotivasikan majikan dan menjaga kebajikan mereka melalui sistem ganjaran dan faedah yang menarik.

2. HPK1
T1
- ‘ Satu perundangan buruh yang amat penting yang menyediakan satu rangka-kerja undang-undang yang menyeluruh.’

Penyataan di atas adalah merujuk kepada salah satu Polisi Buruh Nasional iaitu

- A. Akta Pekerja 1955.
- B. Akta Kesatuan Pekerja 1959.
- C. Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.
- D. Akta Kumpulan wang Simpanan Pekerja 1951.

3. Pilih pernyataan yang **BENAR** mengenai Gaji Minimum. HPK1
T1
- I. Di bawah perundangan Akta 732
 - II. Diselia oleh Majlis Perundangan Gaji Negara.
 - III. Gaji minimum ditentukan oleh majikan-majikan seluruh Malaysia
 - IV. Kerajaan Malaysia yang akan meluluskan Arahan Gaji Minimum
- A. I, II, III
B. I, II, IV
C. I, III, IV
D. II, III, IV
4. Terdapat dua (2) faktor yang mempengaruhi pengurusan sumber manusia iaitu HPK1
T1
faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran adalah merujuk kepada
- A. situasi yang wujud dalam sesebuah organisasi yang memberi kesan luar organisasi.
 - B. situasi yang wujud dalam sesebuah organisasi yang memberi kesan dalaman organisasi.
 - C. situasi atau peristiwa yang terjadi di luar organisasi yang memberi kesan kepada pengurusan luar organisasi.
 - D. situasi atau peristiwa yang terjadi di luar organisasi yang memberi kesan kepada pengurusan dalaman organisasi.
5. Perancangan sumber manusia ialah HPK1
T2
- A. penggabungan semua tenaga kerja yang pelbagai untuk mencapai matlamat bersama.
 - B. proses membekalkan suatu keperluan akan datang untuk pergerakan sumber manusia ke dalam, antara dan ke luar organisasi.
 - C. fungsi yang dilaksanakan dalam organisasi bagi membantu memudahkan penggunaan sumber manusia secara berkesan.
 - D. mengurus pekerja secara cekap untuk mencapai objektif organisasi dan meningkatkan prestasi organisasi melalui peningkatan produktiviti pekerja.

6.

' Membentuk dan melaksanakan perancangan sumber manusia.'

HPK1


T2

Penyataan di atas merujuk kepada

- A. definisi perancangan sumber manusia.
 - B. objektif perancangan sumber manusia.
 - C. kepentingan perancangan sumber manusia.
 - D. faktor yang mempengaruhi sumber manusia.
7. Terdapat enam (6) faktor yang mempengaruhi perancangan sumber manusia. HPK1
Antara berikut yang manakah menerangkan tentang faktor perubahan T2
demografi?

- A. Produktiviti.
- B. Perubahan ekonomi.
- C. Perubahan teknologi.
- D. Perubahan demografi.

8.



HPK1

T2

Rajah 1

Rajah 1 di atas merujuk kepada salah satu komponen di dalam analisis kerja
iaitu

- A. deskripsi kerja.
- B. pemilihan kerja.
- C. spesifikasi kerja.
- D. perancangan kerja.

9. _____ adalah proses menarik minat seberapa ramai calon untuk memohon pekerjaan dalam organisasi. HPK1
T3

- A. Penilaian pekerja
- B. Pemilihan pekerja
- C. Pengambilan pekerja
- D. Pemberhentian pekerja

10.



HPK1
T3

Rajah 2

Temuduga merupakan salah satu teknik yang membantu organisasi dalam mengumpulkan maklumat calon dengan lebih mendalam. Rajah 2 di atas merujuk kepada salah satu kaedah temuduga yang boleh dilakukan oleh organisasi. Kaedah temuduga ini merujuk kepada

- A. temuduga panel.
- B. temuduga atas talian.
- C. temuduga berkumpulan.
- D. temuduga individu / seorang dengan seorang.

11. Berikut merupakan kepentingan latihan dan pembangunan pekerja **KECUALI** HPK1
T4

- A. meningkatkan motivasi pekerja.
- B. meningkatkan kepuasan pekerja.
- C. meningkatkan produktiviti pekerja.
- D. meningkatkan perancangan pekerjaan pekerja.

12. Salah satu perbezaan antara latihan dan pembangunan pekerja ialah HPK1
matlamat perlaksanaan. Matlamat bagi latihan adalah untuk memperbaiki T4
kelemahan kemahiran sekarang dan meningkatkan prestasi manakala
matlamat bagi pembangunan pekerja adalah

- A. persediaan bagi keperluan prestasi masa sekarang.
- B. persediaan majikan untuk menghadapi pekerja baru.
- C. persediaan menghadapi pekerjaan bagi pekerja baru.
- D. persediaan bagi keperluan pekerjaan pada masa hadapan, misalnya bagi tujuan kenaikan pangkat.

13.

‘ Sebagai seorang pelatih pengurusan, beliau akan ditukarkan ke
jabatan berbeza selepas 6 bulan berada di jabatan tertentu.’

HPK1
T4

Latihan terbahagi kepada dua (2) jenis iaitu latihan semasa kerja dan latihan di luar waktu kerja. Pernyataan di atas merujuk kepada salah satu jenis latihan semasa kerja iaitu

- A. latihan amali.
- B. pusingan kerja.
- C. bimbingan dan mentor.
- D. latihan berasaskan komputer.

14.

‘ Syarikat penerbangan MAS telah merekrut 20 orang juruterbang yang
baru. Juruterbang ini perlu diberi latihan mengenai pengendalian kapal
terbang, penyampaian komunikasi serta teknologi penerbangan
semasa.’

HPK1
T4

Berdasarkan pernyataan di atas, jenis latihan yang paling sesuai diberikan kepada juruterbang baru di Syarikat MAS adalah

- A. main peranan.
- B. kuliah dan ceramah.
- C. stimulasi dan vestibul.
- D. permainan pengurusan.

15.

Sila tandakan (✓) pada tempat yang sesuai

Faktor Penilaian	Lemah (Tidak memenuhi keperluan)	Bawah Purata (Memerlukan peningkatan kerana keperluan sering tidak dipenuhi)	Purata (Memenuhi keperluan secara konsisten)	Baik (Sering melepasi keperluan)	Cemerlang (Melepasi keperluan secara konsisten)
Kuantiti Kerja					
Kualiti Kerja					
Komitmen terhadap kerja					
Inisiatif					
Kerjasama					

SESUAI UNTUK KENAIKAN PANGKAT

Berkebolehan dan boleh dicalonkan untuk kenaikan pangkat berdasarkan keadaan

Memberi keutamaan untuk kenaikan pangkat berdasarkan kebolehan yang tinggi dan upaya

Tidak sesuai untuk kenaikan pangkat berdasarkan kurang kebolehan dan upaya

HPK1

T5

Rajah 3

Salah satu kaedah penilaian prestasi ialah berasaskan sifat. Rajah 3 merupakan salah satu kaedah di bawah kaedah berasaskan sifat iaitu

- A. senarai semakan.
- B. pengurusan objektif.
- C. skala pengkadaran grafik.
- D. kaedah penilaian terpaksa.

16. Pernyataan yang manakah **BENAR** mengenai tujuan penilaian pentadbiran di dalam penilaian prestasi.

HPK1

T5

- A. Memberi maklum balas tentang tahap pencapaian kepada pekerja .
- B. Memberi nasihat dan bimbingan kepada pekerja bagi membina potensi masa hadapan.
- C. Menetapkan jangkaan prestasi baru terhadap pekerja untuk meningkatkan prestasi mereka.
- D. Membentuk komitmen pekerja kepada organisasi, perbincangan peluang kerjaya di dalam organisasi.

17. Nyatakan akta yang diperuntukkan di bawah kerajaan Malaysia kepada majikan dan pekerja dalam isu keselamatan dan kesihatan pekerja. HPK1
17

- A. Akta Pekerja 1955.
- B. Akta Kesatuan Pekerja 1959.
- C. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951.
- D. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

18. HPK1
17
- ‘Menurut Seksyen 30, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), majikan bertanggungjawab menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) di tempat kerja jika terdapat 40 orang pekerja atau lebih di tempat kerja.’

Penyataan di atas menunjukkan organisasi perlu mengambil berat mengenai hal berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerja khususnya di tempat kerja. Yang manakah antara berikut merujuk kepada tujuan utama pemakaian Akta 514 ini ?

- A. Menggalakkan persekitaran kerja yang sesuai dengan keperluan fisiologi dan psikologi pekerja.
- B. Mengenalpasti potensi yang ada pada pekerja bagi membolehkan mereka menyusun program kemajuan dan pembangunan.
- C. Reputasi yang baik akan mengundang lebih ramai calon-calon yang terbaik dengan kemahiran yang diperlukan untuk menyertai organisasi.
- D. Dapat memberi motivasi kepada pekerja untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh kerana peningkatan prestasi mereka akan dibalas dengan ganjaran.

19.

HPK1

I7

Rajah 4

Rajah 4 menunjukkan salah satu jenis *hazard* di tempat kerja. Jenis *hazard* ini dikenali sebagai

- A. *hazard* kimia.
- B. *hazard* fizikal.
- C. *hazard* biologi.
- D. *hazard* psikologi.

20.

HPK1

I7

‘ Sistem panel doktor yang dilantik oleh PERKESO di semua hospital kerajaan termasuklah klinik dan pusat kesihatan yang lain-lain. ‘

Penyataan di atas merujuk kepada salah satu jenis faedah dalam bentuk wang iaitu

- A. faedah perubatan.
- B. faedah hilang upaya.
- C. faedah pengebumian.
- D. faedah orang tanggungan.

BAHAGIAN B*[60 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1	
a) Senaraikan EMPAT (4) kepentingan pengurusan sumber manusia. <i>[4 markah]</i>	<u>HPK1</u> <u>T1</u>
b) Terangkan LIMA (5) Polisi Buruh Nasional yang terdapat di dalam pengurusan sumber manusia. <i>[10 markah]</i>	<u>HPK1</u> <u>T1</u>
c) Nyatakan definisi pengambilan pekerja di dalam konteks pengurusan sumber manusia. <i>[2 markah]</i>	<u>HPK1</u> <u>T3</u>
d) Bincangkan EMPAT (4) tujuan program orientasi yang perlu dilaksanakan oleh majikan kepada pekerja baru. <i>[4 markah]</i>	<u>HPK1</u> <u>T3</u>

Soalan 2	
a) Senaraikan EMPAT (4) objektif perancangan sumber manusia. <i>[4 markah]</i>	<u>HPK1</u> <u>T2</u>
b) Jelaskan LIMA (5) tujuan analisis kerja dilaksanakan di dalam perancangan sumber manusia. <i>[10 markah]</i>	<u>HPK1</u> <u>T2</u>

c) Nyatakan tafsiran penilaian prestasi di dalam pengurusan sumber manusia. [2 markah]	<u>HPK1</u> <u>T5</u>
d) Kenalpasti DUA (2) kaedah penilaian berorientasikan hasil dan bincangkan kaedah tersebut. [4 markah]	<u>HPK1</u> <u>T5</u>

Soalan 3	
a) Nyatakan DUA (2) jenis latihan sambil kerja dan DUA (2) latihan di luar waktu kerja. [4 markah]	<u>HPK1</u> <u>T4</u>
b) Berikan DUA (2) perbezaan antara latihan dan pembangunan pekerja. [4 markah]	<u>HPK1</u> <u>T4</u>
c) Senaraikan EMPAT (4) tahap perkembangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia. [4 markah]	<u>HPK1</u> <u>T7</u>
d) Jelaskan EMPAT (4) jenis <i>hazard</i> yang berlaku di tempat kerja. [8 markah]	<u>HPK1</u> <u>T7</u>

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab